



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA
(MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES MALAYSIA)
WISMA TANI
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62624 PUTRAJAYA

Telefon: 03-88701373/1378

Telefax: 03-8888 6906

E-mail: pro@mafi.gov.my Homepage: <http://www.mafi.gov.my>

SIARAN MEDIA

PENERBANGAN DRON DALAM SEKTOR PERTANIAN

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengambil maklum tentang kenyataan yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengenai perlunya mendapatkan kebenaran untuk penggunaan dron.

Jabatan dan Agensi di bawah MAFI serta golongan petani telah menggunakan dron secara meluas dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian. Penggunaan dron dalam sektor pertanian adalah bagi tujuan semburan racun dan baja, pemantauan kawasan yang dijangkiti penyakit serta pemetaan kawasan.

Walaupun MAFI menggalakkan penggunaan dron, aspek keselamatan dan pematuhan peraturan berkaitan penggunaan dron sentiasa diberi perhatian serius. MAFI telah melaksanakan beberapa sesi libat urus bersama pihak Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) berhubung penggunaan dron dalam sektor pertanian.

MAFI mengambil maklum bahawa pihak CAAM sedang merangka satu arahan (directive) khusus bagi sektor pertanian dengan kerjasama MAFI. Justeru, MAFI akan bekerjasama dengan CAAM dalam usaha meningkatkan kesedaran dan kepatuhan operator dron sektor pertanian mengenai kepentingan pendaftaran dan tahap keselamatan penggunaan dron di negara ini.

Sebagai sebuah kementerian yang prihatin tentang kepentingan petani, MAFI akan berbincang dengan pihak CAAM supaya sebarang peraturan yang dikeluarkan tidak akan membebankan para petani terutama dari segi kos yang berkaitan agar prosedur dan proses permohonan dan tempoh kelulusan lebih adalah lebih munasabah.

Selain itu juga, pihak Jabatan Pertanian telah menyediakan draf Prosedur Operasi Standard (SOP) Semburan Racun Perosak menggunakan *Unmanned Aerial Vehicle*/Dron untuk dibincangkan bersama CAAM.

MAFI akan memastikan bahawa peraturan dan arahan khusus melalui kerjasama MAFI dan CAAM ini bukan sahaja menjamin keselamatan penggunaan dron oleh para petani malah kepentingan dan kebajikan mereka juga terus terpelihara.

Terima kasih.

Disediakan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
16 Disember 2020**